

## BAHAGIAN IV KEANGGOTAAN

### Anggota

10. Anggota-anggota Koperasi ini termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan mendaftarkan Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi dan seseorang yang diterima menjadi anggota menurut Peraturan dan undang-undang kecil ini selepas pendaftaran.

### Kelayakan menjadi anggota

11. (1) Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada kakitangan **KEMAS** di **Negeri Melaka**.

(2) Seseorang yang ingin menjadi anggota Koperasi ini mestilah—

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) telah mencapai umur lapan belas tahun;
- (c) bermastautin atau mempunyai hartanah atau bekerja dalam kawasan operasi Koperasi ini; dan
- (d) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar, atau bankrap yang belum dilepaskan, atau pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.

### Permohonan menjadi anggota

12. Permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi ini dan dialamatkan kepada setiausaha Koperasi atau pegawai Koperasi yang dipertanggungjawabkan.

### Fi masuk

13. (1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak **RM15.00 (Ringgit : lima belas)**. Fi masuk itu menurut perenggan 50(a) Akta akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.

(2) Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula dikenakan fi masuk sebanyak **RM30.00 (Ringgit : tiga puluh)**.

(3) Penama atau wakil yang sah kepada anggota yang mati jika memohon untuk menjadi anggota dalam tempoh **enam** bulan selepas kematian anggota itu, tidak dikenakan fi masuk.

(4) Semua fi masuk hendaklah dikreditkan ke dalam akaun untung rugi.

### **Ikrar anggota**

**14.** (1) Seseorang yang memohon untuk menjadi anggota hendaklah diminta menandatangani suatu ikrar bahawa dia—

- (a) akan terikat dengan undang-undang kecil ini dan aturan-aturan aktiviti yang sedia ada serta apa-apa pindaan;
- (b) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar; dan
- (d) tidak pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.

(2) Mana-mana pemohon yang enggan menandatangani ikrar tersebut tidak boleh diterima menjadi anggota.

(3) Seseorang yang telah menjadi anggota dengan sebab turut sama dalam membuat permohonan bagi pendaftaran Koperasi ini dan mereka yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi ini, dikehendaki menandatangani ikrar menurut fasal (1) dalam tempoh empat puluh lima hari selepas diterima perakuan pendaftaran Koperasi. Kegagalan menandatangani ikrar tersebut boleh menyebabkan dia disingkir.